



1. JAWATAN	: JURUUKUR KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ukur Tanah / Geomatik atau bidang bersesuaian.
ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruukur dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan Ukur Tanah / Geomatik atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai keahlian Professional dalam bidang Ukur Tanah / Geomatik yang diiktiraf.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUUKUR KANAN:

1. Mengetuai Bahagian Sempadan Antarabangsa, Bahagian Ukur Tanah atau Bahagian Pemetaan Informatik.
2. Mengawal penggunaan peralatan-peralatan Ukur dan Pemetaan Informatik.
3. Merancang dan bertanggungjawab ke atas kerja-kerja Ukur atau Pemetaan Informatik.
4. Merancang dan mengurus keperluan penempatan tenaga kerja.
5. Membantu Penolong Juruukur Agung dalam menyediakan Cadangan Peruntukan Bahagian-Bahagian.
6. Membantu Penolong Juruukur Agung dalam merancang dan menyediakan spesifikasi Ukur Tanah dan spesifikasi Pemetaan / Geomatik.
7. Membantu Penolong Juruukur Agung dalam menilai peralatan Ukur dan Pemetaan Informatik termasuk perisian dan perkakasan komputer.
8. Bertanggungjawab ke atas pengurusan *Database Integrity* dan *Security*.
9. Bertanggungjawab dalam membentuk Sistem Maklumat Tanah yang menyeluruh.
10. Membimbing dan memberi motivasi bagi pencapaian hasil kerja yang berkualiti.
11. Mengawas dan memastikan dasar Ukur Tanah dan Pemetaan Informatik menepati kehendak matlamat Jabatan.
12. Memastikan semua projek pengukuran dan Pemetaan Informatik menepati kehendak matlamat Jabatan.
13. Bertanggungjawab dalam memastikan perjalanan kerja mengikut prosedur ISO 9001.



14. Membantu dalam penyediaan kertas kerja *country report* dalam mesyuarat/persidangan Antarabangsa.
15. Wakil Jabatan dalam mesyuarat Jawatankuasa:-
 - Teknologi Maklumat Kementerian Pembangunan.
 - Urusetia Nama-nama Ilmu Alam Kebangsaan.
 - Pihak Berkuasa yang Layak Kawalan Pemecahaan Tanah.
 - Pembenterasan Pembekalan Haram dan Pencerobohan Laut.
 - Skim Perumahan Negara.
 - Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.
 - Sempadan Mukim dan Kampong.
16. Ahli kepada Jawatankuasa Jabatan:-
 - Penyelidikan dan Perkembangan.
 - Latihan.
 - Penilaian Kakitangan.
 - *Management Review Team* bagi Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9000)
17. Tugas-tugas yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.